

**SUBSIDI PETROL BERSASAR DITANGGUHKAN**

# Tangani ketirisan terlebih

*Saranan kepada kerajaan sebelum laksanakan PSP*

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

SHAH ALAM

## dahulu

**K**erajaan perlu menangani masalah ketirisan minyak bersubsidi terlebih dahulu terutama di kawasan sempadan negara sebelum meneruskan Program Subsidi Petrol (PSP).

Timbalan Presiden Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, pihaknya menyambut baik keputusan kerajaan menangguhkan pelaksanaan PSP yang sepatutnya dilaksanakan bermula esok.

Bagaimanapun, katanya, beliau melihat keperluan kerajaan mengkaji satu mekanisme baharu bagi menampung beban sistem subsidi minyak secara pukal, lebih baik dan efektif berbanding mekanisme pelaksanaan PSP.

"Pada pandangan saya, mekanisme pelaksanaan PSP itu sendiri tidak jelas dan seolah-olah kerajaan beri tumpuan kepada golongan berpendapatan rendah (B40) semata-mata.

"Sedangkan apabila PSP dilaksanakan, harga minyak RON95 akan naik berterusan sehingga





Mekanisme pelaksanaan PSP juga didakwa seolah-olah memberi tumpuan kepada golongan berpendapatan rendah sahaja.



JACOB GEORGE



MOHD YUSOF



NADZIM JOHAN

mencapai harga pasaran dunia, sekali gus memberi kesan besar kepada harga barang serta perkhidmatan.

“Sepatutnya masalah ketirisan

minyak perlu diselesaikan kerajaan terlebih dahulu kerana jumlah kerugian subsidi ditanggung sebenarnya mencakupi nilai sangat besar yang sepatutnya mampu

menampung kos subsidi pukal,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Sementara itu, **Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan** berkata, kerajaan perlu mengkaji semula mekanisme pelaksanaan PSP secara lebih teliti sebelum memberi tarikh baharu terhadap pelaksanaannya.

Menurutnya, langkah kerajaan menangguhkan pelaksanaan PSP sebenarnya memberi mesej tidak baik terhadap rakyat dan menunjukkan seolah-olah terda-

pat banyak kelemahan tidak dikaji pihak terlibat lebih awal.

“Keputusan sebegini seolah-olah menampakkan kerajaan kurang bersedia dan PPIM berharap perkara sebegini tidak berulang kerana menggusarkan rakyat,” katanya.

Dalam pada itu, **Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (Cassa), Datuk Dr Jacob George** menggesa kerajaan memansuhkan terus pelaksanaan PSP pada masa hadapan demi kepentingan rakyat negara ini.

Menurutnya, pelaksanaan PSP dilihat seolah-olah menggunakan pendekatan *trial and error* dan rakyat dijadikan ‘tikus makmal’ bagi mengenal pasti sama ada inisiatif itu mampu mengurangkan tanggungan subsidi minyak oleh kerajaan.

“Dengan keadaan ekonomi lebih mencabar dan kuasa membeli pengguna semakin berkurangan pada tahun 2020, saya bimbang banyak perkara tidak baik akan berlaku sekiranya PSP diteruskan semula.

“Mansuhkan sahaja PSP kerana pelaksanaan PSP sebenarnya meningkatkan lagi tahap kegusaran rakyat dalam mendepani suasananya tidak menentu tahun hadapan,” katanya.





## Keputusan tangguh PSP beri dua hikmah kepada rakyat

**SHAH ALAM** - Keputusan kerajaan menangguhkan Program Subsidi Petrol (PSP) yang sepatutnya dilaksanakan bermula esok adalah tepat dan sesuai dengan situasi semasa.

Pakar Ekonomi, Profesor Dr Barjoi Bardai berkata, keputusan itu memberi dua hikmah bermanfaat kepada rakyat.

Pertama, katanya, langkah itu bertepatan dengan kenaikan mendadak harga minyak mentah dunia.

"Satu dua minggu ini harga minyak mentah dunia meningkat daripada A\$60 kepada A\$68 setong dan berkeungkinan terus meningkat sehingga A\$70 setong.

"Jika diambil kira kenaikan lebih 15 peratus ini, rakyat akan terkejut dengan harga minyak RON95 yang akan diapungkan nanti. Maka keputusan penangguhan PSP adalah tepat dan bagus," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Barjoi berkata, hikmah kedua ialah

ia dapat memberi ruang kepada kerajaan mengkaji semula bagi menyelaras kaedah pemberian subsidi tersebut.


Katanya, terdapat dua skim berbeza membabitkan kumpulan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana.

"Satu dengan pemberian terus ke dalam akaun dan satu lagi melalui kad. Saya rasa ini akan menimbulkan isu keresahan dan ketidaktentuan.

"Apabila ditangguhkan, ia sepatutnya digunakan sebagai satu masa untuk mengkaji semula dengan menggabung dan menyelaraskan kedua-dua skim tersebut," katanya.

## EK ELEH

Subsidi petrol bersasar **DITANGGUHKAN!**



Tanggung atau teruskan, saya **TETAP TAK DAPATI**



KELEBIHAN HAJAN | LUSTAS OLEH | RAJU PERUMI